

23 OCT 1998

BELANJAWAN-UNIT AMANAH/I

PENDAPATAN FAEDAH UNIT AMANAH DIKECUALIKAN DARIPADA CUKAI PENDAPATAN

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Kerajaan mencadangkan supaya pendapatan faedah yang diperolehi oleh unit-unit amanah dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan cadangan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat di sini hari ini berkata, langkah itu adalah untuk memajukan unit amanah dan unit amanah hartanah sebagai alat pelaburan terkumpul.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, pendapatan faedah yang telah dikecualikan daripada cukai pendapatan di peringkat unit amanah adalah juga dikecualikan cukai apabila ianya diagihkan kepada pemegang-pemegang unit amanah.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1999.

Pada masa ini, pendapatan faedah, dividen dan sewa yang diperolehi unit amanah dan unit amanah hartanah adalah tertakluk kepada cukai pencapatan pada kadar 28 peratus.

Bagaimanapun, pendapatan faedah yang diperolehi oleh individu daripada simpanan atau deposit tetap tertentu di dalam institusi kewangan adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. -- BERNAMA

AA JR OS